

# PENGAJIAN ISLAM

EDISI I



IBRAHIM BIN ABDULLAH  
SITI NOOR BINTI HUSSAIN  
ASHIELA KHANA BINTI AHMAD

# PENGAJIAN ISLAM

First Quality Environment (5S)  
Certified Polytechnic

EDISI I

ISO 9001:2015  
ISO 21001:2018

BERHENTI  
UNTUK  
Pemeriksaan

BERHENTI  
UNTUK  
Pemeriksaan

پلی تکنیک  
POLITEKNIK



Edisi Pertama

Cetakan Pertama 2023

© Politeknik Merlimau, 2023

Hakcipta terpelihara. Tiada bahagian terbitan ini yang boleh diterbitkan semula atau ditukar dalam apa jua bentuk dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman, dan sebagainya sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Pengarah Politeknik Merlimau.

Ibrahim Bin Abdullah

Siti Noor Binti Hussain

Ashiela Khana Binti Ahmad

Diterbitkan oleh:

Politeknik Merlimau,

Kementerian Pendidikan Tinggi,

77300 Merlimau, Melaka

Tel: 06-263 6687

Fax: 06-2636678

<https://pmm.mypolycc.edu.my/>



**Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan**

**Perpustakaan Negara Malaysia**

**Rekod katalog untuk buku ini boleh didapati  
dari Perpustakaan Negara Malaysia**

**eISBN 978-967-2762-69-0**

## EDITORIAL BOARD

### **Managing Editors:**

Rosheela binti Muhammad Thangaveloo

Sharifah Nur binti Abu

Siti Nor Fardilla binti Harun

Noraini binti Ya'cub

### **Editor:**

Abdul Rahman bin Abdul Gapar

### **Designer:**

Siti Noor binti Hussain

### **Proofreading & Language Editing:**

Nurul Nadiha binti Kassim



# PENGAJIAN ISLAM

EDISI I

---

“Sesungguhnya agama disisi  
**ALLAH** ialah **ISLAM**”

# Prakata

Alhamdulillah, syukur kehadiran Allah SWT Tuhan sekalian alam, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW, keluarga dan sahabat-sahabat baginda. Syukur ke hadrat Allah SWT atas limpah dan kurnia-Nya, kami berjaya melengkapkan penulisan ini.

Buku Pengajian Islam Edisi I ini ditulis bertujuan untuk menjelaskan konsep Tasawwur Islam, Iman, Islam dan Ihsan. Buku ini ditulis dalam bahasa yang mudah bagi membolehkan pelajar-pelajar dan pembaca memahami Pengajian Islam dengan cara yang baik dan seterusnya dapat melaksanakan cara hidup Islam serta dapat meningkatkan kualiti ibadat seorang muslim.

Sekiranya terdapat sebarang kesilapan, kami memohon maaf dan sekiranya terdapat teguran yang membina, kami amat menghargainya agar kami dapat memperbaiki kesilapan kami.

- Ibrahim Bin Abdullah
- Siti Noor Binti Hussain
- Ashiela Khana Binti Ahmad



# ISI KANDUNGAN

	Muka Surat
TASAWWUR ISLAM	1
Antara faedah mengamalkan Tasawwur Islam	3
i. Memahami prinsip dan nilai hidup Islam dan keistimewaannya.	4
ii. Mengamalkan Islam sebagai asas dalam kehidupan.	5
iii. Memahami peranan manusia sebagai hamba dan khalifah Allah.	6
iv. Memahami prinsip kehidupan Islam dalam pembentukan ummah.	8
Ciri-ciri kesempurnaan Islam	9
Ketuhanan/Rabbani	10
Syumul dan Lengkap	12
Waqi' dan Realiti	13
Alamiyah/Sejagat/Universal	14
Tetap dan Anjal	15
IMAN	18
PEMBAHAGIAN IMAN	19
KAEDAH MENJAGA DAN MEMPERTINGKATKAN IMAN	24

# ISI KANDUNGAN

Muka Surat

RUKUN ISLAM	29
Konsep Syahadah	31
Ibadat Solat	32
Ibadat Puasa	33
Ibadat Zakat	35
Ibadat Haji	36
MELAKSANAKAN RUKUN IMAN	37
Beriman kepada Allah	38
Beriman kepada Rasul	39
Beriman kepada Kitab	40
Beriman kepada Malaikat	42
Beriman kepada Hari Akhirat	43
Beriman kepada Qada' dan Qadar	45
IHSAN	47
Konsep Akhlak	52
Konsep Dosa dan Pahala	56
RUJUKAN	59




# TASAWWUR ISLAM

---

- TASAWWUR: Daripada kalimah Arab iaitu *Sonwara*.
- Bermaksud memberi gambaran sebenar ke atas apa yang disampaikan kepada akal dan menjadi sebatian dalam diri untuk difahami.
- Tasawwur Islam bermaksud gambaran sebenar tentang Islam.
- Tujuan: Menjelaskan prinsip-prinsip asas Islam secara menyeluruh dan menganggap manusia sebagai salah satu daripada makhluk-makhluk Allah yang amat lemah dan bergantung kepada rahmat Allah.
- Tasawwur Islam tidak dinilai daripada segi status atau kebendaan sahaja. Keimanan kepada Allah adalah lebih penting, ianya hendaklah mengatasi segala kepercayaan kepada perkara-perkara lain.
- Manusia hendaklah mentaati Allah dengan sempurna kerana setiap amal perbuatan akan dinilai oleh Allah.

# ISLAM

AGAMA YANG MERANGKUMI  
SELURUH KEHIDUPAN MANUSIA,  
DI DALAMNYA TERKANDUNG:



- **Allah** menjadikan manusia sebagai **hamba** dan **khalifah** di atas muka bumi bertujuan untuk beribadat kepada Allah dan memakmurkan alam semesta dengan sebaik mungkin.



## Antara faedah mengamalkan Tasawwur Islam sebagai satu tuntutan dalam Islam:

Memahami prinsip dan nilai hidup Islam dan keistimewaannya.

Mengamalkan Islam sebagai asas dalam kehidupan.

Memahami peranan manusia sebagai hamba dan khalifah Allah.

Memahami prinsip kehidupan Islam dalam pembentukan ummah.

## i. Memahami prinsip dan nilai hidup Islam dan keistimewaannya.

- 
- Islam adalah agama *rahmatan lil alamin*. Islam diturunkan oleh Allah untuk menyempurnakan akhlak manusia dan mengatur matlamat hidup dalam Islam supaya menjadi lebih baik. Manusia mempunyai peraturan hidup atau undang-undang yang dikenali sebagai Syariah. Peraturan ini meliputi peraturan hidup individu, masyarakat dan negara. Peraturan ini mencakupi semua bidang kehidupan manusia seperti konsep akhlak, ibadat dan syariah.



## ii. Mengamalkan Islam sebagai asas dalam kehidupan.

- Islam sebagai ad-Din adalah kepercayaan kepada Allah SWT. Ia merupakan kepercayaan yang qati' terhadap keesaan Allah SWT yang berkuasa menjadikan sesuatu dan hanya kepada Allah sahajalah yang layak disembah. Ia adalah konsep tauhid rububiyah dan uluhiyyah.
- Perbuatan manusia sangat berkait rapat dengan kalimah tasawwur atau gambaran Islam. Islam adalah agama yang diturunkan oleh Allah untuk diamalkan dan dilaksanakan di dalam kehidupan manusia.
- Fitrah manusia sangat berhajat kepada panduan agama dan ia merupakan perkara yang bersesuaian dengan fitrah dan kehendak manusia. Pensyariatkan dalam agama adalah bertujuan untuk membawa manusia ke arah tasawwur yang jelas, selari dengan kehidupan normal dalam menjalani kehidupan.

### iii. Memahami peranan manusia sebagai hamba dan khalifah Allah.

- 
- Manusia merupakan makhluk ciptaan Allah yang mempunyai taraf yang lebih tinggi berbanding makhluk lain. Asal kejadian manusia bermula daripada Nabi Adam A.S. Allah menjadikan manusia sebagai khalifah di atas muka bumi ini, Ini dapat dilihat dalam Al-Quran Surah Al-Zarriyat ayat: 56 pula bermaksud:

*“Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada-Ku”.*



- Dan dalam Al-Quran Surah Al-Baqarah ayat:30 bermaksud:

*“Dan (ingatlah) ketika Tuhanmu berfirman kepada Malaikat; "Sesungguhnya Aku hendak menjadikan seorang khalifah di bumi". Mereka bertanya (tentang hikmat ketetapan Tuhan itu dengan berkata): "Adakah Engkau (Ya Tuhan kami) hendak menjadikan di bumi itu orang yang akan membuat bencana dan menumpahkan darah (berbunuh-bunuhan), padahal kami sentiasa bertasbih dengan memuji-Mu dan mensucikan-Mu". Tuhan berfirman: "Sesungguhnya Aku mengetahui akan apa yang kamu tidak mengetahuinya”.*

## iv. Memahami prinsip kehidupan Islam dalam pembentukan ummah.

---

- Umat Islam yang berada di bawah kepemimpinan Nabi Muhammad S.A.W. telah melaksanakan tugasnya berlandaskan nilai-nilai Islam sehingga berjaya membentuk sebuah masyarakat contoh bagi masyarakat Islam selepasnya.
- Syariat Islam telah meletakkan asas-asas yang kukuh dalam pembentukan kehidupan masyarakat Islam. Antaranya adalah seperti:
  - i. Akidah Islam. Ianya merupakan asas utama dalam pembentukan masyarakat Islam.
  - ii. Bersatu padu. Satu bentuk ibadat yang sangat dituntut dalam Islam.
  - iii. Tolong menolong. Merupakan amalan yang mulia untuk diamalkan dalam masyarakat. Sikap ambil peduli ini amat perlu dalam budaya Islam.



Islam agama yang mempunyai ciri-ciri kesempurnaannya.

Antara Ciri- ciri Kesempurnaan Islam:



# KETUHANAN/RABBANI

---

Sumber agama datangnya daripada Allah SWT. Allah telah mengatur segala peraturan dan perundangan untuk makhluk-Nya di atas muka bumi ini. Manusia akan menjalankan kehidupan atas muka bumi ini sebagai khalifah Allah. Manusia menguruskan alam mengikut aturan yang ditetapkan oleh Allah. Setiap apa yang manusia lakukan adalah bertujuan untuk menjadi hamba yang baik dan patuh kepada tuhan-Nya.

Setiap makhluk adalah milik Allah. Allah yang menurunkan peraturan hidup kepada makhluk-makhluk-Nya. Ianya bukanlah ciptaan manusia. Manusia sebagai makhluk tidak mampu menciptanya.



# KETUHANAN/RABBANI

---

Kesan Rabbaniyyah dalam kehidupan, akan menjadikan seseorang:

- i. Bebas daripada mengikut hawa nafsu.
- ii. Mengetahui matlamat manusia diwujudkan.
- iii. Selamat jiwa dan mencapai keredhaan Allah.
- iv. Mengambil petunjuk supaya beriman dengan Allah.

# SYUMUL DAN LENGKAP

---

Islam agama yang sempurna dan lengkap bagi kehidupan manusia. Ianya satu agama yang memenuhi keperluan manusia. Keperluan manusia dapat dilihat daripada segi daruriyyat, hajiyyat dan tahsiniyyat. Kesempurnaan dalam Islam menjamin keselamatan seluruh alam tanpa mengira bangsa, warna kulit dan sebagainya.



# WAQI' DAN REALITI

---

Agama Islam bersifat realiti dan praktikal, ianya sesuai diamalkan dalam kehidupan manusia. Segala yang ada dalam ajaran Islam adalah benar, sesuai untuk diamalkan untuk sepanjang zaman. Tidak terdapat pertentangan dengan akal dan pemikiran manusia walaupun telah lama Al-Quran diturunkan.

Ajaran Islam adalah ajaran yang bersifat realiti dan mampu untuk melahirkan insan yang bertaqwa dan berjaya contohnya ibadat solat, satu ibadat yang dapat mendekatkan diri kepada Allah dan ianya adalah wasilah untuk mencapai kedamaian dan ketenangan kepada seseorang.

# ALAMIYAH/SEJAGAT/ UNIVERSAL

---

Agama Islam bersifat menyeluruh, sesuai untuk semua manusia tanpa mengira tempat, zaman dan bangsa. Islam adalah untuk umat sejagat, tidak terhenti kepada bangsa Arab semata-mata, walaupun ianya diturunkan kepada Nabi Muhammad S.A.W. Ini menunjukkan Islam agama yang sesuai untuk semua manusia.

Di antara prinsip-prinsip alamiyyah ialah:

- Nilai keadilan Islam bersifat menyeluruh.
- Islam menjamin hak-hak asasi manusia.
- Islam memutamakan keamanan dan kesejahteraan.
- Islam memuliakan manusia sebagai makhluk yang mulia.



# TETAP DAN ANJAL

---

Islam agama yang tetap, tetapi dalam masa yang sama ianya boleh menjadi anjal (berubah) dalam beberapa keadaan. Islam tetap pada urusan dengan Allah manakala urusan keduniaan ianya boleh disesuaikan. Sebagai contoh Allah memfardhukan kepada setiap muslim yang berakal sihat, cukup syarat-syaratnya untuk melakukan ibadat puasa dalam bulan Ramadan. Kefardhuan tersebut wajib dilaksanakan bagi mereka yang cukup syarat-syaratnya. Kefardhuan puasa tidak lagi menjadi wajib kepada mereka yang sakit (tidak cukup syarat-syarat).

Bentuk-bentuk tetap dan anjal dapat dilihat seperti berikut:

---

- Kemantapan Islam adalah pada tujuannya.
- Kelenturan Islam terletak pada kaedah dan pendekatannya.
- Hukumnya adalah bersifat qati' tetapi lembut pada furu'nya.
- Istiqamah pada urusan dengan Allah SWT dan boleh disesuaikan pada urusan keduniaan.



# SOALAN

---

Bagaimanakah anda melihat bahawa  
Tetap dan Anjal dalam ciri-ciri  
kesempurnaan Islam dapat memberi  
manfaat kepada diri seorang pelajar.

JAWAPAN ANDA...

# IMAN

---

Iman ertinya percaya. Iman menurut istilah berikrar dengan lisan, membenarkan dengan hati dan melaksanakan dengan anggota badan. Tidak memadai iman seseorang yang hanya membenarkan dengan hati tetapi tidak disertakan dengan ikrar dengan lidahnya sendiri dan melaksanakan dengan anggota badan. Manusia dituntut untuk melakukan suruhan Allah SWT dan meninggalkan segala larangan-Nya.



# PEMBAHAGIAN IMAN

---

Golongan yang beriman kepada Allah dan Rasul adalah golongan yang mengakui tentang keesaan dan kekuasaan Allah SWT serta mengakui Rasul adalah utusan Allah SWT. Keimanan seseorang berbeza antara satu sama lain. Perbezaan tersebut bergantung kepada amalan seseorang dan pengabdianya kepada Allah SWT. Martabat iman seseorang terbahagi kepada beberapa bahagian:

- i. Iman Ulama'
- ii. Iman Taqlid
- iii. Iman mereka yang menjalankan syariat
- iv. Iman Para Nabi dan Rasul

## i. Iman Ulama'

Golongan ini sentiasa memikirkan tentang kejadian Allah SWT. Keesaan kepada Allah SWT adalah termasuk dalam konsep Rububiyah iaitu mengesakan Allah SWT dalam setiap kejadian Allah SWT. Mereka mengemukakan dalil setiap kejadian Allah berpandukan pada dalil aqli dan naqli lalu mereka beriman kepada Allah dengan segala sifat kesempurnaan Allah. Allah sahajalah yang berkuasa menjadikan sesuatu dengan kudrat dan iradat-Nya. Firman Allah SWT dalam Surah Al-Imran ayat 190-191 bermaksud:

*Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi dan pada pertukaran malam dan siang ada tanda-tanda (kekuasaan, kebijaksanaan dan keluasan rahmat Allah) bagi orang-orang yang berakal. (iaitu) orang-orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri dan duduk dan semasa mereka berbaring mengiring dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata): Wahai Tuhan kami tidaklah engkau menjadikan benda-benda ini dengan sia-sia, maha suci engkau, maka peliharalah kami dari azab neraka.*



## ii. Iman Taqlid

---

Iman Taqlid adalah iman secara ikutan semata-mata. Golongan ini beriman bukan disebabkan ilmu pengetahuan tetapi mereka beriman hanyalah melalui ikut-ikutan sahaja tanpa pertimbangan akal. Keimanan mereka hanyalah melalui perkhabaran ramai tentang kewujudan Allah SWT. Iman Taqlid merupakan martabat iman yang lemah dan kurang ketakwaan kepada Allah. Dengan demikian ulama' telah berbeza pendapat tentang Iman Taqlid. Antaranya adalah dikira sebagai tidak sah, dikira sebagai berdosa sekiranya seseorang berkemampuan untuk mengkajinya. Oleh yang demikian, seseorang itu wajib belajar dan tidak beriman secara taqlid kerana ianya lebih cenderung kepada kesamaran dalam menilai sesuatu.

### iii. Iman Mereka yang Menjalankan Syariat

---

Golongan ini mencapai kedudukan iman yang tinggi. Keimanan mereka terhadap Allah SWT adalah berdasarkan kepada dalil-dalil naqli serta mereka menggunakan akal fikiran yang waras dalam menilai sesuatu kebenaran. Golongan ini adalah golongan yang mencintai Allah dan Rasulnya. Mereka takut melakukan dosa dan sentiasa melakukan kebaikan seperti firman Allah dalam Surah Al-Furqan ayat 63-64 bermaksud:

*Adapun hamba-hamba Tuhan Yang Maha Pemurah itu adalah orang-orang yang berjalan di bumi dengan rendah hati dan apabila orang-orang bodoh menyapa mereka (dengan kata-kata yang menghina) mereka mengucapkan, "Salam". Dan orang-orang yang menghabiskan waktu malam untuk beribadat kepada Tuhan mereka dengan bersujud dan berdiri.*



## iv. Iman Para Nabi dan Rasul

---

Golongan ini memiliki iman yang paling tinggi, mereka sangat kasih kepada Allah SWT dengan kecintaan yang sebenar. Allah SWT memelihara mereka daripada perbuatan maksiat, dengan itulah mereka dikira sebagai ma'sum. Mereka ditugaskan untuk menyampaikan berita daripada Allah sama ada baik atau buruk syurga atau neraka. Keimanan mereka berpandukan hujah dan dalil-dalil yang nyata serta mereka diberikan mukjizat untuk membuktikan kewujudan dan kekuasaan Allah di atas setiap sesuatu. Sepertimana firman Allah SWT dalam Surah Al-Anbiya ayat 107 bermaksud:

*Dan kami tidak mengutus engkau (Muhammad) melainkan untuk menjadi rahmat bagi seluruh alam.*

# KAEDAH MENJAGA DAN MEMPERTINGKATKAN IMAN

Menurut ahli fiqah dan hadis, iman seseorang boleh bertambah dan berkurang. Iman seseorang akan bertambah dengan melakukan amalan kebaikan yang banyak dan sentiasa melakukan ketaatan hanya kepada Allah. Iman seseorang akan berkurangan apabila banyak melakukan perbuatan dosa dan tidak melakukan ketaatan kepada Allah. Firman Allah SWT dalam Surah Al-An'am ayat 160 bermaksud:

*Barangsiapa yang melakukan kebaikan mendapat balasan sepuluh kali ganda amalnya. Dan barangsiapa melakukan kejahatan dibalas seimbang dengan kejahatannya. Mereka sedikit pun tidak dirugikan (dizalimi).*

Firman Allah SWT dalam Surah Al-Fussilat ayat 46 bermaksud:

*Barangsiapa mengerjakan kebajikan, maka (pahalanya) untuk dirinya sendiri, dan barangsiapa berbuat kejahatan, maka (dosanya) menjadi tanggungan dirinya sendiri. Dan Tuhanmu sama sekali tidak menzalimi hamba-hamba (Nya).*



# Antara sebab-sebab Iman Bertambah

---

Mengetahui konsep  
ketuhanan

Mengetahui konsep  
kenabian

Mengetahui perkara  
ghaib dan sam'iyat

Mengetahui hal-hal  
akhirat dan  
kehidupannya

# SOALAN

---

Apakah cara yang membolehkan iman  
seseorang bertambah?

JAWAPAN ANDA...



# SOALAN

---

Bagaimanakah anda melihat bahawa iman dapat memberi manfaat kepada diri seseorang?

JAWAPAN ANDA...

# SOALAN

---


Bagaimanakah anda melihat bahawa iman seseorang dapat memberi manfaat kepada kejayaan pelajar.

JAWAPAN ANDA...



# RUKUN ISLAM

---



# RUKUN YANG WAJIB DILAKUKAN

01

## MENGUCAP DUA KALIMAH SYAHADAH

Bersaksi bahawa Tiada tuhan yang wajib disembah melainkan Allah S.W.T dan bersaksi bahawa Nabi Muhammad S.A.W adalah pesuruh Allah.

02

## IBADAT SOLAT

Difardhukan solat lima waktu sehari semalam.

03

## IBADAT PUASA

Melaksanakan ibadat puasa di bulan Ramadan.

04

## IBADAT ZAKAT

Mengeluarkan zakat sebagai penyucian jiwa.

05

## IBADAT HAJI

Menunaikan ibadat Haji bagi yang berkuasa.



# Konsep Syahadah

Syahadah adalah mengakui bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah dan mengakui bahawa Nabi Muhammad SAW adalah pesuruh Allah. Dalam kalimah *Lailahaillallah*, ia memberi penegasan bahawa tiada Tuhan yang disembah selain dari Allah dan Nabi Muhammad SAW adalah pesuruh Allah.

Pengakuan konsep syahadah merangkumi beberapa elemen. Antara konsepnya ialah:

i. Percaya dengan Hati

Mengakui di dalam hati bahawa Allah sahajalah yang Maha Esa dan Berkuasa.

ii. Ikrar dengan Lisan

Konsep syahadah mestilah diyakini dan diakui dengan lisan, selain kepercayaan dengan hati. Ikrar dengan lisan sangat besar di dalam konsep syahadah.

iii. Dilaksanakan dengan Anggota Badan

Segala suruhan hendaklah dilaksanakan dengan penuh ketaatan dan setiap larangan mestilah ditinggalkan.

# Ibadat Solat

Solat adalah ibadat utama di dalam Islam dan ia merupakan kewajipan setiap muslim untuk melaksanakannya. Kita perlu melaksanakan ibadat solat ini dengan sempurna mengikut rukun solat. Perkara yang perlu diketahui dalam rukun solat ialah:

- i. Berdiri betul (bagi yang berkemampuan)
- ii. Niat
- iii. Takbiratul Ihram
- iv. Membaca Surah Al-Fatihah
- v. Rukuk dan thumakninah
- vi. Iktidal dan thumakninah
- vii. Sujud dua kali dan thumakninah
- viii. Duduk antara dua sujud dan thumakninah
- ix. Duduk tahiyat akhir
- x. Membaca tahiyat akhir
- xi. Membaca selawat ke atas Rasulullah SAW
- xii. Memberi Salam
- xiii. Tertib



# Ibadat Puasa

Puasa adalah menahan diri daripada makan dan minum dan perkara-perkara yang membatalkan puasa bermula dari terbit fajar hingga terbenam matahari dengan syarat-syarat tertentu. Setiap muslim mestilah mengetahui perkara-perkara yang berkaitan dengan puasa seperti rukun puasa, perkara yang membatalkan puasa dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya sebelum melaksanakan kewajipan berpuasa.

## Rukun Puasa:

1. Niat
2. Menahan diri daripada perkara-perkara yang membatalkan puasa bermula dari terbit fajar hingga terbenam matahari.

## Syarat Wajib Puasa:

1. Islam
2. Berakal
3. Baligh
4. Berkuasa

### Antara Hikmah Puasa:

1. Menjadi orang bertakwa
2. Melatih disiplin
3. Mensyukuri nikmat Allah
4. Mengasah kesabaran
5. Diampuni dosa

### Perkara yang membatalkan puasa:

1. Gila
2. Pitam sepanjang hari
3. Mabuk sepanjang hari
4. Kedatangan haid
5. Keluar mani dengan sengaja
6. Jimak dengan sengaja
7. Memasukkan sesuatu ke dalam rongga



# Ibadat Zakat

Zakat adalah penyucian jiwa. Zakat adalah harta tertentu yang diberikan kepada golongan yang tertentu dengan syarat-syarat tertentu. Zakat terdiri daripada zakat fitrah dan zakat harta. Hukum menunaikan zakat adalah wajib. Hukum orang yang menafikan wajib zakat adalah kafir. Firman Allah dalam Surah Al-Baqarah ayat 43 bermaksud:

*Dan dirikanlah solat, tunaikanlah zakat, dan rukuklah bersama orang-orang yang rukuk.*

Perintah mengeluarkan zakat disebut berulang-ulang kali dalam Al-Quran pada 23 tempat.

## Syarat Wajib Zakat

- i. Islam
- ii. Merdeka
- iii. Sempurna milik
- iv. Cukup kadar yang ditetapkan
- v. Cukup haul

# Ibadat Haji

Haji ialah mengunjungi Baitullah Al-Haram di Mekah untuk melakukan atau mengerjakan ibadat tertentu menurut syarat-syarat tertentu. Hukum menunaikan ibadat haji adalah wajib sekali seumur hidup bagi yang berkemampuan. Dalil mengenai ibadat haji boleh dilihat dalam Surah Al-Hajj ayat 27 yang bermaksud:


*Dan serulah manusia untuk menunaikan haji, nescaya akan datang kepadamu dengan berjalan kaki, atau menunggang setiap unta yang kurus. Mereka datang daripada segenap penjuru yang jauh.*

Syarat Wajib Haji	Rukun Haji
i. Islam	i. Ihram
ii. Baligh	ii. Wukuf
iii. Berakal	iii. Tawaf
iv. Merdeka	iv. Saie
v. Berkuasa	v. Bercukur atau Bergunting
	vi. Tertib



# MELAKSANAKAN RUKUN IMAN

---



## Beriman kepada Allah

---

Setiap muslim wajib percaya adanya Allah SWT, Tuhan yang Esa, tidak ada Tuhan selain Allah yang layak disembah. Manusia merupakan hamba Allah. Sebagai hamba, manusia hendaklah menyembah Allah dan tiada sekutu bagi-Nya. Sebagai hamba, manusia hendaklah memperhatikan kejadian alam dan sebagainya untuk membuktikan kekuasaan Allah. Dalam Surah Al-Bayyinah ayat 5 yang bermaksud:

*Padahal mereka hanya diperintahkan menyembah Allah dengan ikhlas mentaati-Nya, semata-mata kerana (menjalankan) agama, dan juga agar melaksanakan solat dan menunaikan zakat, dan yang demikian itulah agama yang lurus (benar).*



## Beriman kepada Rasul

---

Beriman kepada Rasul adalah mempercayai bahawa Allah SWT telah mengutuskan Rasul untuk memberi petunjuk dan pedoman kepada umat manusia. Dalil beriman kepada Rasul sepertimana dalam Surah Al-Baqarah ayat 285 bermaksud:

*Rasul (Muhammad SAW) beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya (Al-Quran) daripada tuhannya, demikian pula orang-orang yang beriman. Semua beriman kepada Allah, malaikat-malaikat-Nya, kitab-kitab-Nya dan rasul-rasul-Nya (mereka berkata), "Kami tidak membeza-bezakan seorang pun daripada rasul-rasul-Nya." Dan mereka berkata, "Kami dengar dan kami taat. Ampunilah kami, Ya Tuhan kami, dan kepada-Mu tempat (kami) kembali."*

Sifat Wajib bagi Rasul adalah sidiq, amanah, tabligh dan fatanah. Bilangan Rasul yang wajib diketahui adalah seramai 25 orang manakala Rasul Ulul Azmi adalah seramai 5 orang.

# Beriman kepada Kitab

Beriman kepada kitab adalah beriman bahawa Allah telah menurunkan kitab-kitab kepada Rasul-rasul. Kitab Allah bermaksud kalam Allah yang diwahyukan kepada para nabi dan rasul-Nya. Kitab ini mengandungi syariat dan petunjuk, yang memimpin manusia ke jalan yang benar dan diredhai Allah.

## Nama Kitab yang Wajib Diketahui:

Zabur kepada  
Nabi Daud AS

Taurat kepada  
Nabi Musa AS

Injil kepada Nabi  
Isa AS

Al-Quran kepada  
Nabi Muhammad  
SAW



# Kesan Beriman Kepada Kitab- Kitab Allah

---

1. Dikasihi Allah

2. Mendapat Syafaat Al-Quran

3. Iman Semakin Bertambah

4. Hidup Menjadi Tenang

5. Masyarakat Bahagia dan Sejahtera

## Beriman kepada Malaikat

---

Beriman kepada Malaikat adalah percaya dan membenarkan dengan hati bahawa malaikat Allah benar-benar wujud. Malaikat adalah makhluk ciptaan Allah yang dijadikan daripada cahaya (nur). Malaikat bersifat ghaib, tidak dapat dilihat oleh mata kasar tetapi dipercayai oleh orang yang beriman. Percaya kepada perkara ghaib adalah salah satu sifat orang yang beriman seperti mana firman Allah dalam Surah Al-Baqarah ayat 3 yang bermaksud:

*(Iaitu) Mereka yang beriman kepada yang ghaib, melaksanakan solat, dan menginfakkan sebahagian rezeki yang Kami berikan kepada mereka.*

Bilangan malaikat tidak diketahui jumlahnya melainkan Allah. Namun 10 Malaikat wajib diketahui iaitu Jibril, Mikail, Israfil, Izrail, Munkar, Nakir, Rakib, Atid, Ridzuan dan Malik.



## Beriman kepada Hari Akhirat

---

Beriman kepada Hari Akhirat adalah percaya dengan hari pembalasan iaitu percaya akan berakhirnya kehidupan dunia dan memasuki kehidupan akhirat. Setiap makhluk akan menerima pembalasan masing-masing daripada Allah SWT. Allah akan memberi pembalasan terhadap setiap amalan yang dilakukan. Allah tidak akan menzalimi sesiapa pun. Manusia akan dibangkitkan daripada kubur setelah kematian dan dikumpulkan di mahsyar untuk dihitung dan ditimbang segala amalan masing-masing. Dalam Al-Quran terdapat banyak dalil yang menyebutkan tentang hari akhirat sepertimana dalam Surah Al-Hajj ayat 7 yang bermaksud:

*Dan sesungguhnya, hari kiamat itu pasti datang, tidak ada keraguan padanya, dan sesungguhnya, Allah akan membangkitkan sesiapa yang ada di dalam kubur.*

# SOALAN

---

Bagaimanakah beriman dengan hari  
akhirat dapat meningkatkan kualiti hidup  
seseorang muslim?

JAWAPAN ANDA...



# Beriman kepada Qada' dan Qadar

---

Beriman kepada Qada' dan Qadar berarti menerima segala ketentuan dan ketetapan Allah SWT dengan hati yang redha. Qada' ialah perkara yang diputuskan oleh Allah terhadap segala makhluk-Nya manakala qadar ialah perkara yang telah ditetapkan oleh Allah sejak azali lagi. Segala sesuatu yang berlaku adalah dengan ketentuan dan ketetapan daripada Allah. Setiap saat kita tidak terlepas daripada qada' dan qadar Allah sepertimana firman Allah dalam Surah Al-Qamr ayat 49 yang bermaksud:

*Sungguh, Kami menciptakan segala sesuatu menurut takdir (yang telah ditentukan).*

# Beriman kepada Qada' dan Qadar

---

Percaya kepada qada' dan qadar merupakan asas bagi kesempurnaan iman. Bagi mereka yang percaya kepada qada' dan qadar akan bersabar atas apa jua ujian yang menimpa kerana mereka yakin semuanya adalah ketentuan Allah yang Maha Berkuasa. Oleh itu, umat Islam wajib beriman dengan qada' dan qadar.



# IHSAN

---

Ihsan bermaksud kamu menyembah Allah seolah-olah Allah melihat kamu, sekiranya kamu tidak dapat menggambarkan demikian, maka sesungguhnya Allah melihat kamu. Keadaan demikian tidak akan dapat dicapai melainkan dengan bersungguh-sungguh melakukan kebaikan dan ketaatan kepada Allah SWT. Sifat ihsan merupakan salah satu sifat yang disukai oleh Allah SWT. Kalimah ihsan banyak disebut dalam Al-Quran. Antaranya dalam surah Ali 'Imran ayat 134 bermaksud:

*(Iaitu) Orang yang berinfaq pada waktu lapang mahupun sempit, dan orang-orang yang menahan amarahnya dan memaafkan (kesalahan orang lain). Dan Allah mencintai orang yang membuat kebaikan.*

Ihsan mempunyai dua keadaan:


- i. Melakukan sesuatu amalan yang baik.
  - ii. Dapat merasakan Allah melihat kita atau seolah-olah kita melihat Allah sewaktu melakukan sesuatu amalan.
- 

Kalimah ihsan berlawanan dengan kalimah buruk. Amalan yang dilakukan oleh seseorang sama ada baik atau buruk, bergantung kepada apa yang diamalkan. Islam mengajar manusia untuk berbicara dengan kalimah yang baik sebagaimana diperintahkan Allah dalam firman-Nya di dalam Surah Al-Baqarah ayat 83 bermaksud:

*Dan (Ingatlah) ketika kami mengambil janji daripada bani Israel ‘Janganlah kamu menyembah selain Allah dan berbuat baiklah kepada kedua orang tua, kaum kerabat, anak-anak yatim, dan orang-orang miskin. Dan bertuturkatalah yang baik kepada manusia, laksanakanlah solat dan tunaikanlah zakat.’ Tetapi kemudian mereka berpaling (mengingkari) kecuali sebahagian kecil daripada kamu. Dan kamu (masih menjadi) pembangkang.*



Kalimah yang baik adalah perkataan yang menyenangkan orang lain, tidak mengguriskan perasaan orang apabila mendengarnya. Menjaga lidah adalah salah satu sifat ihsan dalam berkomunikasi dengan orang lain. Setiap perkataan seseorang akan menjadi dosa atau pahala. Perkataan yang baik juga dikira sedekah. Seorang muslim hendaklah menjaga tutur katanya semasa berbicara. Orang yang berilmu akan sentiasa bersifat ihsan dalam setiap tindakannya, bersesuaian dengan ilmu dan adabnya.



Ihsan sangat berkait rapat dalam mengerjakan ibadat. Ihsan ialah melakukan sesuatu ibadat dan pekerjaan berasaskan ilmu dan kefahaman yang betul, cara yang terbaik, mengikut peraturan dan ikhlas kerana Allah SWT.

---

Ihsan dapat dibahagikan kepada beberapa bahagian antaranya ialah:

Ihsan terhadap ibu bapa

Ihsan terhadap anak yatim

Ihsan terhadap haiwan

Ihsan terhadap alam



# SOALAN

---

Bagaimanakah sifat ihsan dapat diaplikasikan dalam hidup seseorang muslim semasa berkomunikasi dengan orang lain?

JAWAPAN ANDA...

# Konsep Akhlak

---

Akhlak bererti tingkahlaku, tabiat atau perangai seseorang. Akhlak juga bermaksud sifat yang tertanam dalam diri seseorang, dapat mengeluarkan sesuatu perbuatan dengan senang tanpa pertimbangan akal pemikiran dan penelitian. Apabila perbuatan yang keluar daripada seseorang itu baik maka dia dikenali sebagai perbuatan yang terpuji (sifat Mahmudah), apabila sebaliknya ianya dikenali sebagai yang terkeji atau akhlak yang buruk (sifat Mazmumah).

Dalam Al-Quran, dalam Surah Al-Qalam ayat 4 yang bermaksud:

*“Dan bahawa sesungguhnya engkau (Muhammad) mempunyai akhlak yang amat mulia”.*



Akhlak manusia hendaklah berdasarkan kepada prinsip-prinsip yang telah ditetapkan oleh Allah SWT. Islam telah mengarisikan akhlak utama yang mesti dihayati oleh setiap muslim dalam kehidupan sehariannya.

Akhlak ialah satu sistem yang menilai perbuatan zahir dan batin seseorang, baik secara individu atau masyarakat, sama ada hubungan manusia sesama manusia, hubungan manusia dengan Allah ataupun manusia dengan alam. Setiap perbuatan manusia baik atau buruk mengandungi nilai akhlak dan akan diambil kira serta akan dipertanggungjawabkan di mahsyar kelak.

# SOALAN

---

Kenapakah akhlak sangat penting dalam kehidupan seorang muslim?

JAWAPAN ANDA...



# SOALAN

---

Mengapakah seseorang perlu berakhlak dengan akhlak Islam dalam kehidupan sehariannya?

JAWAPAN ANDA...

# Konsep Dosa dan Pahala

---

Dosa adalah segala larangan Allah ke atas manusia tetapi larangan tersebut dilakukan juga, ataupun segala suruhan Allah untuk dilakukan tetapi tidak dilakukan oleh manusia ataupun manusia meninggalkannya. Pahala pula adalah ganjaran yang Allah berikan kepada hambanya yang melakukan segala suruhan dan meninggalkan segala larangan-Nya.

Perbuatan dosa menjauhkan seseorang daripada Allah, manakala pahala pula dapat mendekatkan seseorang hamba kepada Penciptanya. Sesuatu kebaikan yang dilakukan akan mendapat pahala, adapun mereka yang melakukan keburukan akan mendapat dosa. Sebagai hamba, kita hendaklah sentiasa meminta, agar Allah membantu kita dalam melaksanakan segala ketaatan dan menjauhi segala larangan. Konsep dosa dan pahala menentukan seseorang itu mencapai kebahagiaan atau tidak di dunia dan akhirat.



Dalam Al-Quran, dalam Surah Al-Hud ayat 114 yang bermaksud:

*Dan dirikanlah sembahyang (wahai Muhammad, engkau dan umatmu), pada dua bahagian siang (pagi dan petang), dan pada waktu-waktu yang berhampiran dengannya dari waktu malam. Sesungguhnya amal-amal kebajikan (terutama sembahyang) itu menghapuskan kejahatan. Perintah-perintah Allah yang demikian adalah menjadi peringatan bagi orang-orang yang mahu beringat.*

Dalam Al-Quran, dalam Surah Ankabut ayat 40 yang bermaksud:

*Maka masing-masing Kami binasakan dengan sebab dosanya, iaitu di antaranya ada yang Kami hantarkan angin rebut menghujaninya dengan batu; dan ada yang dibinasakan dengan letusan suara yang menggempakan bumi; dan ada yang Kami timbuskan dia di bumi; dan ada pula yang Kami tenggelamkan di laut. Dan (ingatlah) Allah tidak sekali-kali menganiaya mereka, akan tetapi merekalah yang menganiaya diri sendiri.*

## soalan

---

Bagaimanakah cara, kita dapat menjauhkan diri kita daripada melakukan dosa?

JAWAPAN ANDA...



# Rujukan

---

- Al-Quran al-Karim
- Abdul Mun'im al-Hasyimi (2012). *Indahnya Akhlak Rasulullah SAW*. Kuala Lumpur: Inteam Publishing Sdn. Bhd.
- Al-Ustaz al-Doktor Wahbah al-Zuhaili (1991), *Tafsir al-Munir Fi al Akidah wa Al-Syariah wa al-Manhaj*. Beirut: Dar al-Fikr
- Azizi Yahaya et.al., (2014), *Penyelewengan Tingkah laku Remaja Punca & Rawatan*. Johor Bharu: UTM Press
- Ezad Azraai Jamsari. et.al.,(2006), *Pengajian Islam*. Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Haji Said Haji Ibrahim (2001), *Akidah ahli sunnah waljama'ah*. Selangor: Darul Ma'rifah
- Ramli Awang (1997), *Tasawwur Rabbani menurut al-Quran dan al-Sunnah*. Kuala Lumpur: al-Hidayah Publishers
- Roziah Sidik et.al., (2021), *Pengajian Islam*. Selangor: Oxford Fajar Sdn.Bhd.

*Tom kita beramal dengan amalan Islam dalam  
kehidupan kita.*



PENGAJIAN ISLAM EDISI I

e ISBN 978-967-2762-69-0



9 789672 762690

POLITEKNIK MERLIMAU

(online)